

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

1. Gerai-gerai seliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
 - (a) Berapakah jumlah gerai di bawah seliaan PBT mengikut kawasan DUN?
 - (b) Berapakah jumlah kutipan sewa gerai yang sepatutnya diterima oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan juga berapakah tunggakan sehingga sekarang?
 - (c) Apakah tindakan yang diambil untuk mengutip balik tunggakan tersebut?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. (a) Jumlah terkini gerai di bawah seliaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah sebanyak 1,859 buah gerai. Pecahan jumlah mengikut Kawasan Ahli Undangan Negeri (KADUN) adalah seperti berikut:

BIL	DUN	JUMLAH GERAI
1.	Komtar	433
2.	Pengkalan Kota	67
3.	Padang Kota	159
4.	Pulau Tikus	574
5.	Tanjung Bungah	390
6.	Air Putih	18
7.	Kebun Bunga	27
8.	Seri Delima	8

BIL	DUN	JUMLAH GERAI
9.	Air Itam	0
10.	Paya Terubong	0
11.	Sungai Pinang	17
12.	Dato' Keramat	94
13.	Batu Lanchang	27
14.	Batu Uban	0
15.	Pantai Jerjak	25
16.	Batu Maung	14
17.	Bayan Lepas	1
18.	Pulau Betong	5
19.	Teluk Bahang	0
JUMLAH KESELURUHAN		1,859

Bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pula, jumlah terkini gerai adalah sebanyak 6,143 buah gerai. Pecahan jumlah mengikut Kawasan Ahli Undangan Negeri (KADUN) adalah seperti berikut:

BIL	DUN	JUMLAH GERAI
1.	Bertam	360
2.	Penaga	117
3.	Pinang Tunggal	20
4.	Telok Air Tawar	48
5.	Sungai Dua	153
6.	Permatang Berangan	97
7.	Sungai Puyu	560
8.	Bagan Jermal	211
9.	Bagan Dalam	369
10.	Permatang Pasir	127
11.	Seberang Jaya	552
12.	Penanti	122
13.	Berapit	516
14.	Padang Lallang	772
15.	Machang Bubok	248
16.	Bukit Tengah	197
17.	Perai	412
18.	Tambun	311
19.	Sungai Bakap	348
20.	Jawi	525
21.	Sungai Acheh	78
JUMLAH KESELURUHAN		6,143

- (b) Jumlah kutipan sewa gerai yang sepatutnya diterima oleh MBPP adalah sebanyak **RM3,155,105.00** dan jumlah tunggakan dari Januari 2024 sehingga September 2024 adalah sebanyak **RM31,417.00**.

Jumlah kutipan sewa gerai yang sepatutnya diterima oleh MBSP adalah sebanyak **RM6,129,452.40** dan jumlah tunggakan dari Januari 2024 sehingga September 2024 adalah sebanyak **RM521,790.00**.

- (c) Tindakan yang diambil untuk mengutip tunggakan adalah seperti berikut:
- (i) Notis pemakluman jumlah tunggakan akan dikeluarkan kepada pelesen mengikut tempoh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan
 - (ii) Tindakan penguatkuasaan akan diambil mengikut peraturan-peraturan semasa yang berkuat kuasa sekiranya pelesen gagal menjelaskan tunggakan dalam tempoh yang diberikan oleh PBT.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

2. Berapakah kos pembaikan konvensional permukaan jalan dengan kaedah *mill and pave*?
 - (a) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk menyelenggara jalan-jalan di Negeri Pulau Pinang oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) khususnya untuk DUN Air Itam dengan kaedah *mill and pave*.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Anggaran kasar bagi kos pembaikan konvensional permukaan jalan menurut Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP) adalah seperti berikut.

BIL	KATEGORI	KADAR (RM)
1.	<i>Daywork</i>	73.85/m ²
2.	<i>Nightwork</i>	77.81/m ²

Anggaran kos tersebut merangkumi kerja-kerja *milling, paving* dan mengecat semula garisan jalan.

- (a) Pecahan peruntukan yang dibelanjakan oleh JKRPP dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk penyelenggaraan jalan secara kaedah *milling* dan *paving* bagi KADUN Air Itam dari tahun 2020 sehingga kini adalah seperti berikut:

TAHUN	PERUNTUKAN YANG DIBELANJAKAN (RM)	
	JKRPP	MBPP
2020	987,300.45	449,349.37
2021	528,034.01	-
2022	944,732.00	408,988.69
2023	623,175.09	-
2024	999,780.00	132,538.36
JUMLAH (RM)	4,083,021.55	990,876.42

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

3. Berapakah jumlah permit penjaja tepi jalan yang telah dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sepanjang bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga setakat ini?
- (a) Nyatakan secara terperinci bagi kawasan DUN Air Itam.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Jumlah Permit Penjaja Tepi Jalan yang dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga bulan Oktober tahun 2024 adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH LESEN PENJAJA TEPI JALAN
2020	0
2021	2
2022	28
2023	24
2024	2
JUMLAH	56

- (a) Namun begitu, tiada permit bagi aktiviti penjaja tepi jalan (Penjaja Statik Sementara - PSS) yang dikeluarkan oleh MBPP di KADUN Air Itam.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

4. Apakah Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam proses permohonan bantuan kebajikan secara bulanan terutamanya tempoh masa yang diambil sehingga mendapat jawapan kelulusan?
- (a) Jumlah permohonan yang diterima untuk tahun 2023 dan 2024 dan berapakah yang telah mendapatkan kelulusan untuk tempoh ini?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi proses permohonan bantuan ialah menerima, menyiasat dan memaklumkan keputusan permohonan dalam tempoh 30 hari dari tarikh permohonan dengan dokumen yang lengkap diterima.
- (a) Jumlah permohonan yang diterima untuk tahun 2023 dan 2024 adalah seperti berikut:

PERMOHONAN BANTUAN JKM	2023	2024
TERIMA	7110	5001
LULUS	4278	3086

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

5. Apakah pendekatan Kerajaan Negeri dalam usaha untuk memberi kesedaran kepada golongan wanita membuat pemeriksaan pap smear dan mammogram bagi tujuan pengesanan awal kanser?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) sentiasa komited memberi pendidikan dan promosi kesihatan tentang pencegahan serta pengesanan kanser serviks dan payudara. Antara usaha yang dilakukan oleh JKNPP adalah:
- (i) Pendidikan kesihatan berterusan kepada klien wanita yang hadir di fasiliti kesihatan;
 - (ii) Menyediakan saringan kanser serviks dan pemeriksaan payudara kepada wanita selepas 6 minggu *postnatal*. Bagi wanita yang berumur lebih 40 tahun, ujian mammogram akan diberikan;
 - (iii) Kempen kesihatan dan ceramah kesihatan melibatkan komuniti;
 - (iv) Memberikan pendidikan kesihatan dan saringan secara *outreach* di agensi-agensi kerajaan dan swasta;
 - (v) Bekerjasama dengan NGO antaranya Puspanita dalam mempromosikan saringan dan pemeriksaan *pap smear* serta pemeriksaan sendiri payudara; dan

- (vi) Memberi pendidikan kesihatan dan saringan kanser serviks serta pemeriksaan sendiri payudara sewaktu program Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) dan Madani Afiat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

6. Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) merupakan salah satu program yang melibatkan pembabitian secara aktif ibu bapa / penjaga golongan kurang upaya dan komuniti setempat untuk membantu orang kurang upaya (OKU) hidup berdikari dan diintegrasikan dalam masyarakat.
- (a) Sejauh manakah kerajaan memantau kebajikan petugas-petugas di setiap PDK terutamanya berkaitan dengan pembayaran gaji dan elaun mereka?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Sehingga bulan Oktober 2024, terdapat sebanyak 24 buah Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) yang beroperasi di seluruh Negeri Pulau Pinang. Setiap tahun, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) menyalurkan peruntukan geran kepada JKMNegeri berdasarkan kepada permohonan PPDK untuk menampung kos pengoperasian yang melibatkan elemen berikut:

KOS OPERASI	AMAUN (RM)
Elaun Penyelia	1,500.00/orang
Elaun Petugas	1,200.00/orang
Elaun Pelatih OKU	300.00/orang
Sewaan Premis	3,000.00/bulan
Utiliti	500.00/bulan

Kos pengoperasian yang ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan untuk PPDK di Pulau Pinang bagi tahun 2024 adalah sebanyak **RM8,463,341.40**. Sebagai pertubuhan yang berdaftar, Jawatankuasa PPDK boleh menjalankan pelbagai aktiviti sampingan bagi menjana pendapatan PPDK dan juga mencari sumbangan luar untuk melaksanakan pelbagai pengisian dan program yang memberi manfaat terhadap pemulihan OKU termasuk kebajikan petugas.

- (a) Kerajaan Negeri bekerjasama rapat dengan JKM dalam memastikan kebajikan petugas-petugas di setiap PPDK adalah terjaga dengan menyalurkan bantuan berupa penambahan kadar elaun dari pihak Kerajaan Negeri bagi menampung elaun yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan, berdasarkan kepada permohonan oleh JKM Pulau Pinang dan ketersediaan peruntukan semasa. Ini adalah untuk menjaga kebajikan dan menghargai pengorbanan mereka yang mendidik dan melatih anak-anak OKU untuk hidup berdikari dan mampu untuk menjalani kehidupan di zaman ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

7. Sejauh manakah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) berusaha meminimumkan permasalahan jalan raya terutamanya pothole dan jalan rosak di DUN Air Itam?
- (a) Berapakah jumlah peruntukan yang diberi untuk membaik pulih jalan raya di DUN Air Itam bagi tahun 2023?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Tindakan yang dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) dalam usaha untuk meminimumkan permasalahan jalan raya terutamanya masalah lopak (*pothole*) dan jalan rosak di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Air Itam adalah seperti berikut:
- (i) Melaksanakan penyelenggaraan jalan secara tahunan dan kerja-kerja tampalan jalan ke atas jalan-jalan yang bermasalah;
 - (ii) Melaksanakan tindakan pembaikan dalam tempoh masa 24 jam bagi menangani masalah *pothole*; dan
 - (iii) Melaksanakan tindakan pemantauan oleh pasukan rondaan di bawah seliaan PBT dan JKR terutamanya ketika musim hujan bagi mengenal pasti masalah *pothole* dan jalan rosak supaya kerosakan tersebut dapat dibaiki dengan segera.

- (a) Jumlah peruntukan yang diberi untuk membaik pulih jalan raya di DUN Air Itam bagi tahun 2023 adalah seperti berikut:

BIL.	JABATAN	PERUNTUKAN (RM)	CATATAN
1.	Majlis Bandaraya Pulau Pinang	500,000.00	Kerja-kerja penurapan jalan di Jalan Masjid Negeri, Jalan Ayer Itam dan Lorong Batu Lancang dibaik pulih oleh pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) susulan kerja-kerja korekan utiliti yang dilaksanakan di kawasan DUN Air Itam.
2.	Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang	2,299,519.38	Kerja-kerja penyelenggaraan melibatkan kerja-kerja baik pulih dan menaik taraf jalan, longkang, bahu jalan serta kerja-kerja lain yang berkaitan di Jalan Negeri.
		200,000.00	Kerja-kerja penyelenggaraan melibatkan kerja-kerja baik pulih dan menaik taraf jalan, longkang, bahu jalan serta kerja-kerja lain yang berkaitan di Jalan Persekutuan.
	JUMLAH	2,999,519.38	

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

8. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan melaksanakan dasar melarang tukang masak warga asing di semua restoran dan warung di dalam Pulau Pinang?
- (a) Jika ya, nyatakan jangka masa mula pelaksanaan.
 - (b) Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah melaksanakan dasar melarang tukang masak warga asing di kawasan pentadbiran masing-masing. Walau bagaimanapun, kaedah pelaksanaan antara kedua-dua PBT sedikit berbeza kerana ia disesuaikan dengan keperluan dan kehendak di lapangan.
- (a) Di MBPP, dasar melarang tukang masak warga asing telah dilaksanakan pada tahun 2016 di mana pihak MBPP telah mengumumkan sebanyak 13 jenis makanan tempatan Pulau Pinang yang dilarang untuk dimasak oleh tukang masak warga asing. Larangan ini bertujuan untuk memelihara keaslian citarasa masakan tersebut dan mengekalkan kualiti makanan yang melambangkan warisan asal Pulau Pinang. Selain itu, makanan-makanan ini juga menjadi menu pilihan pelancong tempatan dan luar negara yang perlu dipelihara. 13 jenis makanan tersebut adalah nasi lemak, asam laksa, pasembor, mi sotong, char kuetiau, kuetiau sup, mi Hokkien, mi kari, mi wantan, *loh bak*, *chee cheong fun*, *char koay kak*, dan *oh chien*. Dasar ini

dilaksanakan di kompleks-kompleks makanan MBPP dan kini telah diperluaskan kepada pemegang lesen yang dikeluarkan oleh MBPP bagi gerai-gerai yang berada di dalam kedai makan. Pihak MBPP juga turut menggalakkan premis-premis perniagaan makanan yang bukan di bawah MBPP untuk mengambil bahagian dalam pelaksanaan dasar ini.

Manakala di MBSP pula, dasar melarang tukang masak warga asing telah dilaksanakan pada tahun 2017 di kompleks-kompleks makanan MBSP sahaja. Buat masa ini, pihak MBSP tiada perancangan untuk memperluas pelaksanaan dasar ini di premis-premis perniagaan makanan dan warung-warung yang bukan di bawah MBSP disebabkan oleh faktor-faktor seperti berikut:

- (i) Penyediaan menu khusus atau tradisi seperti makanan Thai dan makanan Arab yang memerlukan tukang masak dari luar negara bagi mengekalkan rasa dan kualiti makanan yang disediakan;
 - (ii) Tukang masak dari luar negara turut menjadi salah satu daya tarikan kepada sesebuah perniagaan makanan;
 - (iii) Dasar larangan tukang masak warga asing akan membebankan sebahagian pengusaha makanan kerana terdapat peningkatan kos bayaran upah kerana kos untuk mengupah tukang masak warga asing lebih murah berbanding warga tempatan; dan
 - (iv) Kesukaran kepada pengusaha makanan bagi mendapatkan tukang masak tempatan.
- (b) Tidak berkaitan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

9. Bagaimanakah prestasi Demand Responsive Transit (DRT) Rapid Penang sejak perkhidmatan percubaan dilancarkan pada 1 Ogos di kawasan Air Itam? Perincikan.
- (a) Adakah ia akan diperluaskan lagi ke kawasan lain yang berdekatan dengan Air Itam?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Perkhidmatan *Demand Responsive Transit* (DRT) yang dilancarkan di kawasan Air Itam pada 1 Ogos 2024 telah menunjukkan prestasi yang amat memberangsangkan. Jumlah purata penumpang harian meningkat secara signifikan daripada 94 penumpang pada permulaan pelancaran perkhidmatan ini kepada 153 penumpang sehari pada bulan September 2024. Peningkatan ini mencerminkan permintaan yang tinggi dan sambutan positif daripada penduduk setempat terhadap perkhidmatan DRT.
- (a) Bagi kawasan sekitar Air Itam, data penumpang sedang dikumpulkan sebagai sebahagian daripada kajian dan penilaian menyeluruh. Data ini akan menjadi asas penting dalam perancangan untuk mempertimbangkan sebarang perluasan kawasan perkhidmatan DRT pada masa hadapan, bagi memastikan ia memenuhi keperluan penduduk setempat secara optimum serta meningkatkan lagi keberkesanan sistem pengangkutan awam di Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

10. Tragedi melibatkan pelancong India yang terjatuh dalam lubang benam di Jalan Masjid India telah menjadi Isu kebimbangan orang ramai. Kerajaan Negeri perlulah lebih cakna dengan isu ini.
- (a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri dalam mengelakkan kejadian mendapan tanah / lubang benam yang mungkin menimpa orang ramai ini daripada berlaku di Pulau Pinang?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap keselamatan rakyat, khususnya berhubung kejadian mendapan tanah dan lubang benam yang boleh mengundang risiko bahaya dan tragedi kepada orang ramai. Dalam hal ini, beberapa langkah dan inisiatif proaktif telah dan akan terus dilaksanakan bagi memastikan kejadian seumpama ini dapat diminimumkan atau dielakkan sepenuhnya.
- (a) Antara inisiatif dan perancangan Kerajaan Negeri dalam mengelakkan kejadian mendapan tanah atau lubang benam di Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) **Pemantauan dan Kajian Tanah:** Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh mensyaratkan kepada pemaju supaya menjalankan kajian geoteknikal untuk mengenal pasti kawasan yang berisiko tinggi terhadap mendapan tanah/lubang benam bagi sebarang kelulusan projek pembangunan baharu sebelum memulakan pembinaan;

- (ii) **Pemeriksaan dan Penilaian Infrastruktur secara Berkala:** Kerajaan Negeri melalui PBT dan jabatan/agensi yang berkaitan boleh membuat pemeriksaan secara berkala terhadap keadaan jalan raya, infrastruktur bawah tanah dan struktur tanah di kawasan-kawasan yang dikenal pasti berisiko mengalami mendapan/lubang benam. Ini termasuk pemantauan ke atas sistem saliran, paip bawah tanah, serta struktur asas yang berisiko mengalami kerosakan atau mendapan;
- (iii) **Penguatkuasaan Syarat-syarat Pembinaan:** Kerajaan Negeri melalui PBT akan memperketatkan penguatkuasaan terhadap projek pembangunan untuk memastikan pemaju mematuhi garis panduan yang ditetapkan termasuklah kaedah rawatan tanah yang sesuai;
- (iv) **Pendidikan dan Kesedaran Orang Awam** Selain daripada tindakan di peringkat teknikal, Kerajaan Negeri juga bercadang untuk mengadakan program kesedaran kepada orang awam untuk mendidik orang awam tentang cara mengenal pasti tanda-tanda awal mendapan tanah/lubang benam serta langkah-langkah keselamatan dan tindakan yang perlu dilakukan sekiranya berlaku kejadian tersebut. Ini termasuk menyediakan maklumat di media sosial, laman web rasmi, serta papan tanda yang jelas di kawasan berisiko;
- (v) **Penambahbaikan dan Pembaikan Infrastruktur yang Sedia Ada:** Di samping langkah pencegahan, Kerajaan Negeri melalui PBT telah memperuntukkan bajet untuk kerja-kerja pembaikan dan pemulihan segera terhadap struktur jalan yang rosak. Kerja-kerja ini termasuklah menutup lubang atau mendapan yang berbahaya kepada orang awam; dan
- (vi) **Tindakan Segera terhadap Aduan:** Kerajaan Negeri melalui PBT telah menetapkan prosedur untuk menangani aduan mengenai masalah mendapan tanah/lubang benam dengan kadar segera, termasuk tindakan pembaikan yang diperlukan.

Kerajaan Negeri komited untuk terus memperbaiki dan mempertingkatkan sistem keselamatan di jalan raya dan kawasan awam, agar tragedi seperti yang berlaku di Jalan Masjid India tidak berulang di negeri ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

11. Berapakah kadar berhenti sekolah di DUN Air Itam bagi tahun 2023? Nyatakan mengikut jenis sekolah.

(a) Senaraikan faktor-faktor penyumbang murid berhenti sekolah

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Kadar berhenti sekolah bagi DUN Air Itam bagi tahun 2023 adalah seperti berikut:

DUN	SEKOLAH	BEKERJA	MASALAH KELUARGA	SAKIT KRONIK	TIDAK MINAT KE SEKOLAH	DISIPLIN-DIBUANG SEKOLAH	JUMLAH
AIR ITAM	SK AYER ITAM	-	-	-	-	-	-
AIR ITAM	SK SRI AMAN	-	-	-	-	-	-
AIR ITAM	SK BATU LANCHANG	-	-	-	-	-	-
AIR ITAM	SJKC CHIAO NAN	-	-	-	-	-	-
AIR ITAM	SJKC CHUNG HWA CONFUCIAN 'A'	-	-	-	-	-	-
AIR ITAM	SJKC CHUNG HWA CONFUCIAN 'B'	-	-	-	-	-	-
AIR ITAM	SJKC KONG MIN PUSAT	-	-	-	-	-	-
AIR ITAM	SJKC KONG MIN CAW SATU	-	-	-	-	-	-
AIR ITAM	SJKC SIN KANG	-	-	-	-	-	-
AIR ITAM	SMK CHUNG LING	-	-	-	-	-	-

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

- (a) Faktor-faktor penyumbang murid berhenti sekolah adalah seperti berikut:
- (i) Bekerja
 - (ii) Kemiskinan
 - (iii) Masalah keluarga
 - (iv) Murid bekeperluan khas dan tiada kemudahan pembelajaran terdekat
 - (v) Sakit kronik
 - (vi) Takut ke sekolah
 - (vii) Tidak berminat ke sekolah

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

12. Sukan *Pickleball* merupakan sukan yang semakin berkembang di peringkat global, ia dikenali sebagai aktiviti yang mudah dipelajari dan sesuai untuk semua peringkat kemahiran. Pembangunan sukan ini perlukan sokongan dari akar umbi selain kerajaan. Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam usaha untuk mempromosikan aktiviti sukan *pickleball* di dalam kalangan pelajar sekolah?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang telah menerima permohonan daripada *Penang Pickleball Association (PPA)* pada tahun 2023 untuk mengadakan sesi penataran dan bengkel kepada guru sukan dari 5 sekolah bagi setiap daerah. Disebabkan kekangan masa, pihak persatuan telah memohon untuk menanggungkan bengkel tersebut. Tindakan awal semasa sambutan Hari Sukan Negara pada 14 Oktober 2023, pihak Unit Pembangunan Bakat Murid Sukan (UPBM) telah mengadakan kolaboratif bersama PPA bagi menyediakan ruang pameran dan *show pickleball game* pada hari tersebut yang dihadiri seramai 13,000 orang pengunjung.

UPBM Sukan, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang sedang merancang supaya program sukan *Pickleball* ini dijadikan sebagai sukan penggalakan dalam takwim sukan tahun 2025 bersama pihak PPA.

Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) pada 21 Mac 2024 telah menerima kemasukan Persatuan *Pickleball* Negeri Pulau Pinang ke dalam senarai keanggotaan Ahli Majlis di bawah MSNPP selaras dengan Akta 29, Akta Majlis Sukan Negara 1971. Pihak MSNPP telah menyediakan peruntukan tahunan berjumlah RM20,000.00 kepada pihak persatuan induk sukan negeri untuk pelaksanaan pembangunan sukan ini secara menyeluruh di peringkat komuniti Negeri Pulau Pinang sehingga ke peringkat sukan berprestasi tinggi.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

13. Umum sedia maklum bahawa salah satu strategi bagi merencanakan sektor pelancongan dalam negeri ialah mewujudkan lebih banyak produk-produk pelancongan baru.
- (a) Apakah produk-produk pelancongan baru yang dicadang untuk diwujudkan oleh Kerajaan Negeri selepas ini?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Antara produk-produk pelancongan baharu di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Projek kereta kabel Bukit Bendera telah dimulakan dan dijadualkan siap pada tahun 2026;
 - (ii) *Penang Waterfront Convention Centre (PWCC)* yang terdiri daripada dewan pameran berkeluasan 76,000 kaki persegi dan kemudahan terkemuka dijangka siap pada tahun 2025;
 - (iii) Gurney Bay Fasa 1 dan 2 yang mempunyai pelbagai tarikan;
 - (iv) Ferringhi Bay iaitu satu tarikan baharu yang dibina menggunakan 53 kontena perkapalan guna semula di pantai Batu Ferringhi;
 - (v) Naik taraf *Butterworth Art Walk* Fasa II;
 - (vi) Galeri Arkeologi Guar Kepah di Seberang Perai Utara yang bakal dibuka;

- (vii) Naik taraf dan pembukaan semula Muzium Negeri Pulau Pinang di Jalan Farquhar;
- (viii) Pemuliharaan Fort Cornwallis;
- (ix) Tranformasi feri ikonik lama kepada produk pelancongan; dan
- (x) Projek Installation Art berbentuk feri ikonik di Butterworth.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

14. Masalah lembu ternakan yang berkeliaran bukanlah isu yang baru terjadi tetapi berlarutan sejak dulu dan sering kali dibangkitkan dalam Dewan DUN. Isu ini tidak boleh dipandang remeh. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai sebarang plan atau solusi dan mengambil tindakan yang lebih tegas untuk membendung masalah ini selain denda / kompaun sedia ada?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Kerajaan Negeri sememangnya memandang serius terhadap isu lembu ternakan berkeliaran yang sering kali mendapat aduan daripada orang awam dan beberapa jabatan/agensi kerajaan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengambil tindakan seperti berikut:
- (i) Melakukan rondaan secara berkala di kawasan tumpuan haiwan berkeliaran;
 - (ii) Mengeluarkan kompaun haiwan merayau kepada penternak yang membiarkan ternakan miliknya berkeliaran di kawasan awam;
 - (iii) Membuat hebahan berkenaan "Kesalahan Membiarkan Haiwan Merayau" melalui Ahli Majlis, wakil penternak dan media sosial bagi kawasan *hotspot*;
 - (iv) Mengadakan operasi penangkapan haiwan merayau di kawasan *hotspot*;

- (v) Memberi surat tunjuk sebab dan tindakan pembatalan lesen kandang kepada penternak yang melakukan kesalahan melepaskan ternakan berkeliaran di kawasan awam; dan
- (vi) Mengambil tindakan kes mahkamah terhadap penternak yang masih berdegil dan tidak mengikut arahan undang-undang yang berkuat kuasa.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

15. Liputan rangkaian 5G di kawasan berpenduduk (CoPA 5G) di Pulau Pinang mencatatkan 90.3 peratus setakat suku ketiga tahun 2023.
- (a) Apakah capaian rangkaian 5G setakat ini?
 - (b) Berapakah peratusan kemajuan kerja-kerja menaik taraf melibatkan menara telekomunikasi untuk memastikan bahawa teknologi 5G ini turut dapat dirasai di kawasan luar bandar?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. (a) Setakat bulan Oktober 2024, capaian rangkaian 5G adalah sebanyak 91.7% di kawasan berpenduduk atau *Coverage of Populated Areas* (COPA). Sasaran keseluruhan rangkaian 5G adalah sebanyak 92% pada bulan Disember 2024 setelah kesemua 450 buah tapak struktur komunikasi disiapkan.
- (b) Sehingga Oktober 2024, 94% kerja-kerja menaik taraf dan pembinaan struktur komunikasi baharu 5G telah disiapkan yang melibatkan sebanyak 424 buah tapak struktur komunikasi. Baki 26 buah tapak struktur sedang dalam pembinaan dan integrasi dan akan disiapkan menjelang bulan Disember 2024. Kawasan yang terlibat melibatkan kawasan berpenduduk atau COPA, meliputi kawasan bandar dan luar bandar.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

16. Pusat Ekonomi Digital (PEDi) merupakan pusat yang penting dalam komuniti dan memainkan peranan lebih bersifat sebaran maklumat kepada rakyat selain menjadi pusat pembelajaran melibatkan aktiviti kecerdasan buatan (AI) untuk rakyat.
- (a) Berapakah jumlah PEDi yang telah beroperasi di seluruh Pulau Pinang?
 - (b) Senaraikan lokasi-lokasi PEDi tersebut.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. (a) Sehingga bulan Oktober 2024, sebanyak 41 buah Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) yang dahulunya di kenali sebagai Pusat Ekonomi Digital (PEDi) telah diwujudkan dan beroperasi di setiap Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) di Pulau Pinang. Hanya satu (1) buah NADI yang sedang dalam pembinaan iaitu NADI Yayasan Aman di KADUN Penanti.
- (b) Senarai lengkap semua lokasi NADI di Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

NO	NAMA NADI	KADUN	ALAMAT NADI
1	SUNGAI PINANG	TELUK BAHANG	JALAN SUNGAI PINANG, 11010 BALIK PULAU, PULAU PINANG
2	TAMAN PRESTIJ II	TELUK BAHANG	NO.12, , TAMAN PRESTIJ II, 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
3	TAMAN GELUGOR INDAH	PERMATANG BERANGAN	2993, TINGKAT ATAS, JALAN HASHIM AWANG, TAMAN GELUGOR INDAH, 13300 TASEK GELUGOR, PULAU PINANG
4	BERTAM	BERTAM	DEWAN HAJI MD YUSOFF, 990, JALAN PERMATANG RAMBAI,PERMATANG RAMBAI, 13100 PENAGA, PULAU PINANG
5	PENAGA	PENAGA	NO. 7, LOT KEDAI, TINGKAT ATAS, JALAN PENAGA RIA, TAMAN PENAGA RIA, 13100 PENAGA, PULAU PINANG
6	PINANG TUNGGAL	PINANG TUNGGAL	DEWAN JKKK KAMPUNG TOK BEDU, KAMPUNG TOK BEDU, 13300 TASIK GELUGOR, PULAU PINANG
7	SUNGAI DUA	SUNGAI DUA	DEWAN BESAR SUNGAI DUA, TAMAN MERBAU INDAH 13800 BUTTERWORTH, PULAU PINANG
8	TELUK AIR TAWAR	TELUK AIR TAWAR	1589, TINGKAT ATAS, TAMAN NAKHODA, JALAN TELUK AIR TAWAR, 13050 BUTTERWORTH, PULAU PINANG
9	BAGAN DALAM	BAGAN DALAM	DEWAN JKKK BAGAN DALAM 1, LORONG LIMBUNGAN INDAH 6, KAMPUNG PERLIS, 12100 BUTTERWORTH, PULAU PINANG
10	BAGAN JERMAL	BAGAN JERMAL	26, MEDAN MELUR SELATAN, TAMAN SIN TAT, 12300 BUTTERWORTH, PULAU PINANG
11	SUNGAI PUYU	SUNGAI PUYU	NO. 33, JALAN DEDAP, TAMAN DEDAP, 13400 BUTTERWORTH, PULAU PINANG
12	PENANTI	PENANTI	3, JALAN MENGGUANG KERETAPI, TAMAN MENGGUANG JAYA, 14100 KUBANG SEMANG
13	PERMATANG PASIR	PERMATANG PASIR	17-G, LORONG CERMAI 8, TAMAN SAMAGAGAH, 13500 PERMATANG PAUH, PULAU PINANG
14	SEBERANG JAYA	SEBERANG JAYA	DEWAN MPKK TAMAN BARU, JALAN TUN HUSSEIN ONN, 13700, SEBERANG JAYA, PULAU PINANG
15	BUKIT TENGAH	BUKIT TENGAH	DEWAN ORANG RAMAI KAMPUNG SEKOLAH, JALAN MOHD SAAD, KAMPUNG BUKIT KECHIL 14100 SIMPANG AMPAT, PULAU PINANG
16	PERAI	PERAI	DEWAN SERI MANIS, KAMPUNG MANIS, JALAN BESAR, 13600 PERAI, PULAU PINANG
17	BERAPIT	BERAPIT	26-G, LORONG USAHANIAGA 3, TAMAN USAHANIAGA, 14000 BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG
18	MACHANG BUBOK	MACHANG BUBOK	DEWAN MPKK ALMA BUKIT MINYAK, 41, JALAN PERNIAGAAN, PUSAT PERNIAGAAN ALMA, 14000 BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG
19	PADANG LALANG	PADANG LALANG	LOT KEDAI TINGKAT 1, LBH KOTA PERMAI SATU, TAMAN KOTA PERMAI, 14000 BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG
20	PULAU AMAN	BUKIT TAMBUN	KUNITA, PULAU AMAN, PULAU PINANG
21	SUNGAI BAKAP	SUNGAI BAKAP	DEWAN KOMUNITI BTM FASA 1, NO. 63, LORONG 3/SS2, BANDAR TASEK MUTIARA, 14120, SIMPANG AMPAT, PULAU PINANG
22	JAWI	JAWI	BLOK C DEWAN ORANG RAMAI RUMAH PANGSA, TAMAN DESA JAWI, 14200 SUNGAI JAWI, PULAU PINANG
23	SUNGAI ACHEH	SUNGAI ACHEH	DEWAN MASYARAKAT BATU 2, JALAN SEMPADAN SUNGAI BAKAU, 14320, NIBONG TEBAL, PULAU PINANG
24	AIR PUTIH	AIR PUTIH	LOT KEDAI TINGKAT 1, 27C 1-1, JALAN AIR ITAM, 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG
25	KEBUN BUNGA	KEBUN BUNGA	TINGKAT BAWAH, DEWAN MPKK LADANG LADA, LEBUHRAYA BARAT FETTES, 11200 TANJONG TOKONG, PULAU PINANG
26	PULAU TIKUS	PULAU TIKUS	LOT KEDAI TINGKAT 3, NEW BOB CENTER 11-3-4, JALAN GOTTLIEB, PULAU TIKUS, 10350 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
27	TANJONG BUNGA	TANJONG BUNGA	PASAR & BALAI RAKYAT TANJUNG BUNGAH TINGKAT 1, 11200 TANJUNG BUNGAH, PULAU PINANG
28	KOMTAR	KOMTAR	KOMPLEKS TAMAN HARAPAN SP CHELLIAH TINGKAT 2, NO 2 JALAN S.P. CHELLIAH, GEORGE TOWN, 10150 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
29	PADANG KOTA	PADANG KOTA	PPR TAMAN MANGGIS TINGKAT 1, JALAN ZAINAL ABIDIN, 10450 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
30	PENKALAN KOTA	PENKALAN KOTA	DEWAN KOMUNITI LEBUH MACALLUM GAT LEBUH MACALLUM, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
31	BATU LANCANG	BATU LANCANG	PASAR AWAM & DEWAN RAKYAT BATU LANCANG TINGKAT 1, 25, LINTANG BATU LANCANG, JELUTONG, 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
32	DATOK KERAMAT	DATOK KERAMAT	DEWAN ORANG AWAM TAMAN FREE SCHOOL PULAU PINANG TAMAN FREE SCHOOL, 10460 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
33	SUNGAI PINANG	SUNGAI PINANG	BALAI RAKYAT TAMAN SRI PINANG TINGKAT 2, 122A, JALAN PATANI, GEORGE TOWN, 10150 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
34	AIR ITAM	AIR ITAM	LOT KEDAI TINGKAT 1, 607, JLN BALIK PULAU, PEKAN AYER ITAM, 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG
35	PAYA TERUBONG	PAYA TERUBONG	TEMPAT PARKIR, FLAT JKR PAYA TERUBONG, 1038, JLN PAYA TERUBONG, PAYA TERUBONG, 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG
36	SERI DELIMA	SERI DELIMA	TINGKAT BAWAH, BLOK A, RUMAH PANGSA TAMAN TUN SARDON,11700 GELUGOR, PULAU PINANG
37	BATU UBAN	BATU UBAN	DEWAN MASYARAKAT LINTANG MINDEN 1-18-17 LINTANG MINDEN 2, TAMAN UTAMA MINDEN HEIGHTS, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
38	BATU MAUNG	BATU MAUNG	1-3-16, CHANGKAT BATU MAUNG 1, SOUTHBAY PLAZA, 11960, BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
39	PANTAI JEREJAK	PANTAI JEREJAK	KOMPLEKS PASAR & KEMUDAHAN MASYARAKAT BAYAN BARU, TINGKAT 2, LINTANG MAYANG PASIR 3, BANDAR BAYAN BARU, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
40	BAYAN LEPAS	BAYAN LEPAS	LOT KEDAI TINGKAT 1, 1172A, JALAN TELUK KUMBAR, PRESTIGE HEIGHTS, 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
41	PULAU BETONG	PULAU BETONG	TINGKAT 1, MAKERSPACE@BALIK PULAU PEJABAT MBPP, LINTANG BUKIT PENARA 1, 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
42	YAYASAN AMAN	PENANTI	BANGUNAN YAYASAN AMAN, PEKAN KUBANG SEMANG, PULAU PINANG

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

17. Apakah program-program yang telah atau akan dirancang oleh Kerajaan Negeri bagi membimbing usahawan-usahawan aktif memasuki perniagaan atas talian terutamanya daripada kalangan orang muda?

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Kerajaan Negeri dengan kerjasama jabatan, agensi Negeri dan Persekutuan telah melaksanakan dan merancang pelbagai program bagi memperkukuh kemahiran berkaitan aspek pendigitalan bagi menggalakkan perniagaan dalam talian, meningkatkan produktiviti, membantu mencapai pangkalan pelanggan yang lebih luas, memberikan akses kepada pasaran yang lebih besar, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan perniagaan yang memberangsangkan.

Antara program yang telah dijalankan pada tahun 2024 adalah seperti berikut:

- (i) Program Tembus Pasaran Digital oleh (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang) PDC dengan kerjasama SME Corp. Malaysia pada 14 & 15 Ogos 2024 melibatkan 34 orang usahawan;
- (ii) Kursus Kepintaran Buatan (AI) Untuk Perniagaan & Kursus Tik Tok Untuk Perniagaan oleh PDC dengan kerjasama Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) pada 23 & 24 Oktober 2024 melibatkan 114 orang usahawan;

- (iii) Bengkel Platform E-Dagang oleh Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) pada 20 Julai 2024;
- (iv) *Business Transformation Training* (B2T) oleh PERDA pada 20 hingga 22 Ogos 2024;
- (v) Kursus Tik Tok *Content Creator, Business* dan Tik Tok *Shop* oleh Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut; dan
- (vi) Pertandingan Keusahawanan Belia oleh PYDC.

Antara perancangan program melibatkan perniagaan secara atas talian pada tahun 2025 adalah seperti berikut:

- (i) Kursus Kandungan Kreatif dan *Copywriting* oleh PDC pada Jun 2025;
- (ii) Program Keusahawanan – Pemasaran Futuristik Dengan *Artificial Intelligence* (AI) oleh PDC pada Ogos 2025; dan
- (iii) Program Kisah Usahawan Belia oleh PYDC.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

18. Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang telah menyiasat dan mengambil tindakan ke atas sebanyak lebih 1,053 kes aduan berkaitan kesalahan alam sekitar dari tahun 2021 sehingga kini.
- (a) Apakah langkah signifikan yang dirangka oleh Kerajaan Negeri untuk membanteras kesalahan alam sekitar ini sekaligus meningkatkan kualiti alam sekitar yang optimum?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. (a) Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang mula menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (pindaan 2024) pada 7 Julai 2024. Pindaan akta ini melibatkan jumlah hukuman denda yang lebih tinggi berbanding denda terdahulu iaitu denda terdahulu adalah maksimum RM500,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun. Manakala denda yang baharu adalah tidak melebihi RM10 juta bagi kesalahan-kesalahan tertentu serta pemenjaraan mandatori.

JAS secara berkala menjalankan penguatkuasaan ke atas punca-punca yang berpotensi menyebabkan pencemaran air, udara dan buangan terjadual.

Selain itu, sebarang aktiviti atau pembangunan tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan)(Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015 seperti perikanan, tebus guna tanah dan pembangunan di

kawasan pantai. Sebarang aktiviti dan pembangunan tersebut perlu mendapat kelulusan daripada Laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling di bawah Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 untuk memulakan aktiviti atau pembangunan.

Operasi Mencegah Pencemaran dijalankan setiap hujung minggu iaitu Sabtu atau Ahad oleh JAS. Operasi ini termasuk rondaan bersama Jabatan Laut Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Selain itu, JAS juga mengawasi kualiti marin di 33 kawasan termasuk 17 stesen kawasan pantai, 9 stesen pulau dan 7 stesen muara.

Seterusnya, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menerusi MBSP dan MBPP turut mengambil langkah pencegahan dengan tindakan seperti berikut:

- (i) Pembersihan sampah terapung di persisiran pantai yang menjadi tumpuan awam oleh pekerja setiap hari;
- (ii) Menyokong aktiviti gotong-royong oleh pemegang taruh di persisiran pantai dengan membekalkan alatan pembersihan dan tong sampah secara percuma;
- (iii) Meletakkan papan tanda atau *banner* berkaitan pendidikan alam sekitar dan undang-undang berkaitannya bagi memberikan pendidikan kepada masyarakat;
- (iv) Memasang CCTV di kawasan hot-spot bagi memastikan tiada aktiviti pencemaran dan *vandalisme*; dan
- (v) Menjalankan operasi penguatkuasaan dan pendidikan di kawasan tumpuan awam bagi memastikan tiada aktiviti pembuangan sampah oleh individu.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

19. Golongan warga emas adalah mereka yang telah berjasa kepada negeri, apakah usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan golongan warga emas terutamanya yang tidak mempunyai waris terjaga kebajikan mereka?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Kerajaan Negeri telah mengambil pelbagai usaha bagi menjaga kebajikan warga emas termasuk warga emas yang tidak mempunyai waris. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menubuhkan Rumah Seri Kenangan bagi membantu warga emas yang tidak mempunyai waris untuk hidup dalam keadaan yang sejahtera serta mempunyai penjagaan, perlindungan dan rawatan yang sempurna. Kehidupan di institusi ini memberikan jaringan sosial kepada warga emas untuk berinteraksi sesama rakan sebaya. Permohonan kemasukan ke Rumah Orang Tua boleh dibuat di mana-mana Pejabat JKM Daerah di mana pemohon tinggal. Setiap permohonan kemasukan disiasat terlebih dahulu oleh Pegawai JKM yang berkenaan dan laporan siasatan akan dimajukan kepada Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri untuk ulasan dan sokongan. Walau bagaimanapun, Rumah Seri Kenangan adalah jalan terakhir bagi membantu warga emas yang terabai dan memerlukan perlindungan. Mereka yang memerlukan bantuan perlindungan boleh hadir sendiri ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah untuk memohon memasuki Rumah Seri Kenangan.

Selain itu, Rumah Ehsan (RE) ditubuhkan untuk memberi jagaan, rawatan dan perlindungan kepada warga emas yang uzur, daif dan tidak berwaris agar dapat terus hidup dalam suasana yang selesa dan tenteram. Perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di RE adalah seperti berikut:

- (i) Penjagaan dan perlindungan;
- (ii) Bimbingan dan kaunseling;
- (iii) Perkhidmatan fisioterapi;
- (iv) Bimbingan agama;
- (v) Rekreasi serta cara pulih kerja; dan
- (vi) Rawatan perubatan.

Terdapat dua (2) buah Rumah Ehsan (RE) di Malaysia iaitu:

- (i) RE Dungun, Terengganu; dan
- (ii) RE Kuala Kubu Bahru, Selangor.

JKM juga melaksanakan Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) yang merupakan satu inisiatif sukarelawan yang amat bermakna. Program ini bertujuan untuk membantu warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) untuk mengurus keperluan harian mereka. Kini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang berusaha mewujudkan Program Sukarelawan Mutiara bagi meluaskan lagi peranan sukarelawan dalam membantu masyarakat setempat.

Kerajaan Negeri juga telah mengambil langkah untuk melaksanakan inisiatif Bandar Mesra Usia demi memastikan kesejahteraan golongan warga emas tidak terabai. Dengan sokongan Penang Women's Development Corporation (PWDC), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah diterima sebagai ahli Global Network of Age-Friendly Cities and Communities yang diiktiraf oleh World Health Organisation (WHO). Tujuan inisiatif ini adalah untuk mewujudkan persekitaran yang mesra untuk semua golongan usia, terutamanya warga emas. Pelan Tindakan Strategik inisiatif ini telah dilancarkan pada bulan September 2024 dan memberi penelitan terhadap program dan tindakan yang akan diambil oleh MBPP serta

pemegang-pemegang taruh supaya dapat memberi impak yang positif kepada setiap lapisan masyarakat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

19. Golongan warga emas adalah mereka yang telah berjasa kepada negeri, apakah usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan golongan warga emas terutamanya yang tidak mempunyai waris terjaga kebajikan mereka?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Kerajaan Negeri telah mengambil pelbagai usaha bagi menjaga kebajikan warga emas termasuk warga emas yang tidak mempunyai waris. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menubuhkan Rumah Seri Kenangan bagi membantu warga emas yang tidak mempunyai waris untuk hidup dalam keadaan yang sejahtera serta mempunyai penjagaan, perlindungan dan rawatan yang sempurna. Kehidupan di institusi ini memberikan jaringan sosial kepada warga emas untuk berinteraksi sesama rakan sebaya. Permohonan kemasukan ke Rumah Orang Tua boleh dibuat di mana-mana Pejabat JKM Daerah di mana pemohon tinggal. Setiap permohonan kemasukan disiasat terlebih dahulu oleh Pegawai JKM yang berkenaan dan laporan siasatan akan dimajukan kepada Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri untuk ulasan dan sokongan. Walau bagaimanapun, Rumah Seri Kenangan adalah jalan terakhir bagi membantu warga emas yang terabai dan memerlukan perlindungan. Mereka yang memerlukan bantuan perlindungan boleh hadir sendiri ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah untuk memohon memasuki Rumah Seri Kenangan.

Selain itu, Rumah Ehsan (RE) ditubuhkan untuk memberi jagaan, rawatan dan perlindungan kepada warga emas yang uzur, daif dan tidak berwaris agar dapat terus hidup dalam suasana yang selesa dan tenteram. Perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di RE adalah seperti berikut:

- (i) Penjagaan dan perlindungan;
- (ii) Bimbingan dan kaunseling;
- (iii) Perkhidmatan fisioterapi;
- (iv) Bimbingan agama;
- (v) Rekreasi serta cara pulih kerja; dan
- (vi) Rawatan perubatan.

Terdapat dua (2) buah Rumah Ehsan (RE) di Malaysia iaitu:

- (i) RE Dungun, Terengganu; dan
- (ii) RE Kuala Kubu Bahru, Selangor.

JKM juga melaksanakan Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) yang merupakan satu inisiatif sukarelawan yang amat bermakna. Program ini bertujuan untuk membantu warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) untuk mengurus keperluan harian mereka. Kini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang berusaha mewujudkan Program Sukarelawan Mutiara bagi meluaskan lagi peranan sukarelawan dalam membantu masyarakat setempat.

Kerajaan Negeri juga telah mengambil langkah untuk melaksanakan inisiatif Bandar Mesra Usia demi memastikan kesejahteraan golongan warga emas tidak terabai. Dengan sokongan Penang Women's Development Corporation (PWDC), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah diterima sebagai ahli Global Network of Age-Friendly Cities and Communities yang diiktiraf oleh World Health Organisation (WHO). Tujuan inisiatif ini adalah untuk mewujudkan persekitaran yang mesra untuk semua golongan usia, terutamanya warga emas. Pelan Tindakan Strategik inisiatif ini telah dilancarkan pada bulan September 2024 dan memberi penelitan terhadap program dan tindakan yang akan diambil oleh MBPP serta

pemegang-pemegang taruh supaya dapat memberi impak yang positif kepada setiap lapisan masyarakat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

21. Setelah setahun pembinaan Pulau Silikon, adakah kajian impak terhadap alam sekitar dan ekonomi setempat masih dijalankan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Laporan Kesan Kepada Alam Sekeliling (*EIA*) hanya disediakan sebelum projek dilaksanakan manakala Pelan Pengurusan Alam Sekitar (*EMP*) disediakan sebagai panduan semasa kerja-kerja pembinaan dilaksanakan. Laporan *EMP* ini akan dikemas kini dari semasa ke semasa jika terdapat perubahan atau terdapat keperluan untuk dikemas kini.

Selain daripada itu, laporan-laporan pengawasan dan pemantauan alam sekitar dan sosial disediakan dan dikemukakan kepada agensi-agensinya teknikal seperti Jabatan Alam Sekitar (*JAS*), Jabatan Pengairan dan Saliran (*JPS*), *PLAN*Malaysia dan Jabatan Perikanan secara berkala semasa di peringkat pembinaan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

22. Nyatakan sejak tahun 2023, berapa kalikah kejadian tanah runtuh telah berlaku di Pulau Pinang.
- (a) Berapa ramaikah bilangan yang terkorban dalam kejadian ini?
 - (b) Apakah langkah yang telah dan akan dilaksanakan oleh pihak berwajib untuk mengatasi kejadian ini?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. (a) Berdasarkan rekod dan aduan yang diterima oleh JMG, hanya 1 kejadian tanah runtuh berlaku di Pulau Pinang sejak 2023, iaitu kejadian tanah runtuh di Kilang Miami Food, Batu Feringghi yang berlaku pada 29 Oktober 2024 ini. Manakala berdasarkan rekod di bawah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), terdapat beberapa kejadian tanah runtuh berlaku. Rekod tahun 2023 dan tahun 2024 adalah seperti berikut:-

Tahun 2023:

- (i) Lot 4477, Seksyen 5, George Town Pulau Pinang
- (ii) Lot 640, Mukim 14, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang
- (iii) Lot 455, Mukim 1, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang
- (iv) Lot 20365, Mukim 13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang
- (v) Lot 1584, Mukim 13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang

- (vi) Lot 692, Seksyen 1, Tanjung Tokong, Pulau Pinang
- (vii) Lot 6619, Mukim 13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang
- (viii) Lot 9625, Mukim 13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang

Tahun 2024:

- (i) Lot 3618, Bandar Tanjung Bungah, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang
 - (ii) Lot 8134, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang
 - (iii) Lot 655, Seksyen 2, Bandar Batu Feringghi, Pulau Pinang
- (b) Tiada kemalangan jiwa yang terlibat dalam kejadian tanah runtuh setakat ini (sejak 2023).
- (c) Pelbagai langkah telah dilaksanakan bagi tujuan mengelakkan kejadian tanah runtuh ini. Antaranya:-
- (i) Kerajaan Negeri telah menganjurkan Bengkel Pengurusan Pengoperasian Bencana yang berfokuskan kepada Bencana Geologi Tanah Runtuh pada tahun 2023. Bengkel ini merupakan salah satu inisiatif penting yang diambil oleh Unit Pengurusan Bencana (UPB) di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kesedaran serta pemahaman dalam kalangan peserta mengenai peranan dan tanggungjawab mereka sebagai Focal Person atau anggota pasukan responden bencana. Objektif utama bengkel ini adalah untuk memperkukuh pemahaman peserta mengenai pengendalian Bencana Geologi Tanah Runtuh di peringkat Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) dan Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK), dengan memberikan pendedahan strategik kepada mereka dalam menjalankan tugas semasa situasi bencana berlaku;
 - (ii) Pihak berkuasa Tempatan seperti Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai

(MBSP) juga telah melaksanakan pemantauan secara berkala di semua kawasan berbukit/ bercerun yang aktif menjalankan aktiviti pertanian bagi memastikan tiada kacau ganggu kepada keselamatan orang awam, harta awam dan persekitaran;

- (iii) Pihak berkuasa Tempatan juga telah mengeluarkan arahan kepada pemilik kawasan bercerun persendirian supaya mengawal selia /menyelenggara kawasan mereka;
- (iv) Pihak Berkuasa tempatan juga mengenakan syarat teknikal yang berkaitan seperti pengemukaan laporan '*slope stability analysis*' / laporan geoteknikal bagi setiap pembangunan baharu ;dan
- (v) Pihak Berkuasa Tempatan juga telah membaikpulih/mestabilkan semula kawasan berbukit/ bercerun di bawah selenggaraan MBSP yang dikesan kurang stabil.

Di samping itu, terdapat keperluan untuk pemasangan alat EWS (Early Warning System) di lokasi-lokasi hotspot juga penting untuk mengenal pasti sebelum kejadian tanah runtuh berlaku. Pihak Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) boleh bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tujuan pemasangan alat EWS tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

23. Sejak kebelakangan ini, cuaca ekstrem sering berlaku di Pulau Pinang. Walaupun fenomena ini adalah semula jadi akan tetapi persiapan awal bagi menghadapinya adalah penting untuk melindungi kesejahteraan rumah tangga dan meminimumkan kerugian harta benda. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk memberi pendidikan pencegahan bencana kepada masyarakat? Jika ada, perincian.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

23. Unit Pengurusan Bencana bersama-sama dengan *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) serta NADMA telah mengadakan Program Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (CBDRM) bagi penduduk di Negeri Pulau Pinang. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kesiapsiagaan masyarakat terhadap risiko bencana, serta memperkasakan mereka dalam merancang dan melaksanakan langkah-langkah pengurangan risiko. Antara Program yang telah diadakan sebagai inisiatif untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan penduduk Negeri Pulau Pinang ialah seperti di **LAMPIRAN A**. Di samping itu, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Negeri Pulau Pinang juga telah mengadakan Program Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (CBDRM) sebanyak tiga (3) kali pada tahun ini. Berikut adalah perincian berkenaan Program tersebut seperti di **LAMPIRAN B**.

LAMPIRAN A

TARIKH	TEMPAT	PROGRAM/AKTIVITI	RUMUSAN / HURAIAN / DATA BAGI PROGRAM / AKTIVITI YANG DIJALANKAN
27 April 2024	Pejabat GTWHI, George Town	Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (CBDRM) Negeri Pulau Pinang	<p>George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) Bersama sama telah mengadakan satu Latihan responden Kebakaran Bersaskan Komuniti untuk Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town. Unit Pengurusan Bencana, PSUKPP bergandingan dengan GTWHI untuk memberi taklimat berkaitan Mitigasi Pengurusan Bencana di Pulau Pinang.</p> <p>Program CBDRM ini dilaksanakan untuk memberi pendedahan kepada warga kota Pulau Pinang tentang mitigasi bencana dengan lebih lanjut.</p>
18 dan 19 Oktober 2024	Pulau Aman, Pulau Pinang	Program Kesedaran Keselamatan Kebakaran dan Pengurusan Bencana di Pulau Aman, Pulau Pinang	<p>Program ini bertujuan untuk memfokuskan elemen peningkatan pengetahuan dan kesedaran berhubung keselamatan dan pencegahan kebakaran melalui pelancaran program “Bomba Komuniti” oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pulau Pinang, Tatacara Permohonan Bantuan daripada Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan (PDTSPS) dan Taklimat Pengurusan Bencana oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).</p> <p>Bomba Komuniti memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran keselamatan dan mencegah kebakaran dalam kalangan masyarakat.</p>

LAMPIRAN B

TARIKH	TEMPAT	PROGRAM/AKTIVITI	RUMUSAN / HURAIAN / DATA BAGI PROGRAM / AKTIVITI YANG DIJALANKAN
21- 23 Februari 2024	Pejabat Pertahanan Awam Daerah Seberang Perai Utara & Kg. Aceh Daerah SPS	Program Kampung Siaga 221: Komuniti Berdaya Tahan Bencana	<p>Merupakan program latihan bagi memperkasakan masyarakat dalam menghadapi bencana melalui strategi persediaan, pemantauan, tindakan dan pemulihan oleh masyarakat sendiri.</p> <p>Penduduk setempat dilatih untuk didedahkan dengan asas tindakan semasa situasi bencana dan kecemasan. Latihan ini akan berterusan dengan menumpukan kepada kawasan berpenduduk yang dikenalpasti atau dinilai berisiko.</p>
8 - 9 April 2024	Pejabat Pertahanan Awam Daerah Seberang Perai Tengah & Kg. Terus Daerah SPT	Program Kampung Siaga 221: Komuniti Berdaya Tahan Bencana	<p>Merupakan program latihan bagi memperkasakan masyarakat dalam menghadapi bencana melalui strategi persediaan, pemantauan, tindakan dan pemulihan oleh masyarakat sendiri.</p> <p>Penduduk setempat dilatih untuk didedahkan dengan asas tindakan semasa situasi bencana dan kecemasan. Latihan ini akan berterusan dengan menumpukan kepada kawasan berpenduduk yang dikenalpasti atau dinilai berisiko.</p>
10 November 2024	Pejabat Pertahanan Awam Daerah Seberang Perai Utara & Kg. Labuh Banting Daerah SPU	Program Kampung Siaga 221: Komuniti Berdaya Tahan Bencana	<p>Merupakan program latihan bagi memperkasakan masyarakat dalam menghadapi bencana melalui strategi persediaan, pemantauan, tindakan dan pemulihan oleh masyarakat sendiri.</p> <p>Penduduk setempat dilatih untuk didedahkan dengan asas tindakan semasa situasi bencana dan kecemasan. Latihan ini akan berterusan dengan menumpukan kepada kawasan berpenduduk yang dikenalpasti atau dinilai berisiko.</p>